

Akaun bank peribadi Najib terima wang AS\$61 juta, £9.46 juta

PH - 21/6/2022

m/s: 15

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, menerima wang AS\$61 juta dan £9.46 juta dalam akaun peribadi Ambank miliknya, melalui pindahan wang luar negara daripada syarikat berkaitan ahli perniagaan dalam buruan Low Taek Jho atau Jho Low.

Wedani Senen selaku Pengu-
rus Bahagian Unit Sistem Pem-
indahan Dana dan Sekuriti Se-
cara Elektronik Masa Nyata
(RENTAS) Ambank (M) Berhad
ketika itu berkata, dana berke-
naan dipindahkan ke akaun
AmIslamic Bank milik Najib dengan
nombor akaun
2112022009694 atas kod nama
AmPrivate Banking - MR dan
2112022011880 atas nama AmPri-
vate Banking-1MY.

Saksi pendakwa ke-29 itu
berkata, ada tujuh transaksi ke-
masuk wang dalam akaun
AmIslamic Bank milik Datuk
Seri Najib Razak daripada 2013
sehingga 2014 melalui pinda-
han daripada luar negara.

Saksi itu ketika membacakan
pernyataan saksinya berkata,
terdapat pemindahan wang ber-
jumlah AS\$61 juta daripada Tan-
nore Finance Corp ke dalam
akaun Najib dengan nombor
akaun 2112022009694 atas kod

nama AmPrivate Banking-MR
pada 25 Mac 2013.

Tanore sebelum ini dinyata-
kan sebagai entiti yang mene-
rima wang haram daripada da-
na 1Malaysia Development Ber-
had (1MDB).

Wedani berkata, akaun bekas
perdana menteri itu dengan
nombor akaun 2112022011880
atas kod nama AmPrivate Bank-
ing-1MY turut menerima
£750,000 daripada Blackrock
Commodities (Global) Limited
pada 23 Jun 2014.

Beliau yang membacakan
pernyataan saksinya berkata,
akaun sama menerima wang
daripada Vista Equity Interna-
tional Partners Ltd (Barbados)
melalui lima transaksi iaitu
£5,750,000 (19 Oktober 2014);
£694,343.62 dan £2,216.01 (24 No-
vember 2014); £995,000.00 (5 Di-
seMBER 2014) dan £1.26 juta (18
Disember 2014).

Mengikut laporan berita se-
belum ini, Jabatan Kehakiman
Amerika Syarikat (DoJ) mengena-
lpasti Vista Equity Interna-
tional Partners dan Blackrock
ialah 'shell company' (syarikat
yang hanya wujud di atas kerta-
s) dimiliki dan dikawal oleh
Eric Tan, iaitu sekutu amahan
ahli perniagaan dalam buruan
Low Taek Jho atau Jho Low.

Khamis lalu, Wedani dalam
keterangannya memberitahu
mahkamah, Najib menerima
wang berjumlah AS\$670 juta da-
lam akaun peribadi Ambank
miliknya melalui pindahan
wang luar negara daripada in-
dividu dan beberapa syarikat.

Beliau berkata, dana itu di-
pindah melalui lima transaksi
ke akaun AmIslamic Bank mil-
ik Najib dengan nombor akaun
2112022009694 menggunakan na-
ma AmPrivate Banking - MR,
daripada 2011 sehingga 2013.

Sementara itu, ketika men-
jawab soalan balas daripada pe-
gawa bela, Wan Aizuddin Wan
Mohammed, yang mewakili Na-
jib, sama ada pihaknya ada se-
barang keraguan mengenai
transaksi yang membabitkan
jumlah wang yang besar itu,
Wedani berkata, "tidak."

Saksi itu menjelaskan, unit-
nya tidak membuat laporan me-
ngenai transaksi berkenaan ke-
rana ia diuruskan bahagian
lain dalam Ambank.

Katanya, beliau tidak pasti
sama ada Bank Negara Mala-
ysia (BNM) ada menimbulkan
amaran dan meminta penjela-
san berhubung transaksi ter-
babit.

Perbincaraan bersambung ha-
ri ini.